

# KHEDN bertahlil di Kubah Makam Diraja

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohd. Noor  
/ Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 21 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta Majlis-Majlis Perundungan Mukim dan Kampung telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bagi Paduka Ayahanda dan Paduka Bondo Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Abdul Rahman bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis bertahlil tersebut adalah merupakan program tahunan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi menyemarakkan lagi suasana dan mclipatkan gandanan pahala di bulan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tiga, kanan) mengetuai rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta Majlis-Majlis Perundungan Mukim dan Kampung pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bagi paduka ayahanda dan paduka bondo Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ramadan yang mulia ini.

Hadir di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin

Haji Apong.

Bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Malik bin Haji Jumat yang juga memimpin bacaan tahlil

dan doa.

Juga hadir, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain, Ketua-ketua

jabatan, Pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dari kecempat-empat daerah.

## Warga Kementerian Pendidikan bertadarus



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (tengah) hadir mengetuai rombongan Kementerian Pendidikan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada Majlis Tadarus Al-Quran di Surau Al-Shaf'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohammad Salleh (tengah) antara yang hadir pada Majlis Tadarus tersebut.

Oleh : Marlinaawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 21 Mei. - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Tadarus Al-Quran di Surau Al-Shaf'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hadir mengetuai rombongan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohammad Salleh; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Haji

Azman bin Ahmad; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfian bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dayang Nadiah Lee Siew Hoon binti Abdullah serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Majlis didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardhu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awan dan Antarabangsa UNISSA, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Kemudian disusuli dengan Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan bacaan ayat-ayat suci

Al-Quran serta juz pertama secara bergilir-gilir yang dimulakan oleh Menteri Pendidikan, Doa Selamat juga diketuai Awang Haji Sammali.

Seramai 46 pelajar lelaki bersama empat Guru Pengawas dari Sekolah Mencengah Menglait dan Sekolah Mencengah Rimba II turut menyertai majlis berkenaan.

Majlis tersebut merupakan acara tahunan Kementerian Pendidikan dan pada tahun ini dikendalikan bersama Jabatan Perkembangan Kurikulum, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan.

La antara lain bertujuan untuk menghidupkan bulan Ramadan dengan memperbanyakkan amal ibadat termasuk bertadarus Al-Quran, di samping untuk mendapatkan ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan rombongan Kementerian Pendidikan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang menyertai Majlis Tadarus Al-Quran berkenaan.